

09/12/1998

Azizan beritahu PM (HL)

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi diberitahu, Azizan Abu Bakar mengaku kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kejadian dia diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti terkandung dalam pengakuan bersumpahnya adalah benar.

Azizan, yang menyambung keterangannya hari ini berkata, pengakuan itu dibuat dalam satu pertemuan dengan Dr Mahathir di kediaman rasmi Perdana Menteri antara jam 9.10 dan 10.10 malam 24 Ogos lalu.

Pembela Anwar terus menyoal balas Azizan, saksi penting pendakwa, walaupun bercadang untuk mencabar kewibawaan keterangan bekas pemandu Datin Seri Dr Wan Azizah itu, kerana didakwa bercanggah.

Menjawab soalan Gurbachan Singh, seorang daripada sembilan peguam Anwar, Azizan berkata: "Saya mengaku kepada Perdana Menteri bahawa apa yang terkandung dalam pengakuan bersumpah saya adalah benar."

Menurutnya, pertemuan itu dibuat atas permintaan Perdana Menteri yang ingin mengetahui cerita sebenar daripadanya.

Katanya, beliau menemui Perdana Menteri sendirian tanpa ditemani Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Yusof Abdul Rahman dan Ummi Hafilda Ali.

Kepada soalan Gurbachan adakah Perdana Menteri memberi perlindungan kepadanya selepas pertemuan itu, Azizan menjawab: Perdana Menteri ada menyatakan sekira keselamatan saya diganggu, saya disuruh menghubungi balai polis yang terdekat.

Gurbachan: Tetapi bersetuju selepas jumpa Perdana Menteri, kamu tidak membuat laporan polis berkenaan keselamatan kamu diganggu?

Azizan: Ya. Selepas berjumpa dengan Perdana Menteri, saya tidak buat apa-apa laporan polis berkenaan keselamatan saya diganggu. Tetapi rumah saya dan tempat kerja saya sentiasa diawasi oleh pihak polis.

Gurbachan: Selepas jumpa Perdana Menteri, rumah dan pejabat kamu diawasi, betul?

Azizan: Ya.

Gurbachan: Itulah saja nasihat daripada Perdana Menteri, betul?

Azizan: Perdana Menteri ada menyatakan beliau akan suruh pihak polis menyiasat kes ini dengan lebih mendalam dan menasihatkan agar lebih berhati-hati.

Gurbachan: "Lebih berhati-hati" itu untuk membuat tuduhan ke atas Datuk Seri Anwar?

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail membantah soalan itu dengan alasan ia adalah satu soalan yang tidak adil.

Selepas dibenarkan oleh mahkamah, Gurbachan mengemukakan soalan yang sama kepada Azizan.

Azizan: Tidak betul bahawa Perdana Menteri menasihatkan saya supaya "lebih berhati-hati" membuat dakwaan ke atas Datuk Seri Anwar. Tetapi Perdana Menteri menasihatkan saya supaya lebih berhati-hati tentang keselamatan diri saya.

Gurbachan: Itu saja nasihat Perdana Menteri?

Azizan: Itu saja nasihat Perdana Menteri.

Gurbachan: Adakah kamu beritahu Perdana Menteri yang kamu ada buat satu akuan bersumpah?

Azizan: Saya tidak beritahu Perdana Menteri yang saya telah buat satu surat akuan sumpah. Tetapi saya beritahu Perdana Menteri tentang pengakuan yang telah saya tandatangani.

Gurbachan: Hanya satu saja?

Azizan: Saya mengatakan kepada Perdana Menteri bahawa pengakuan bersumpah itu adalah benar.

Gurbachan: Kamu hanya beritahu Perdana Menteri berkenaan akuan bersumpah saja.

Azizan: Ya.

Gurbachan: Adakah ia P14C?

Azizan: Ya.

Gurbachan: Tidak beritahu Perdana Menteri berkenaan dokumen lain? dokumen lain?

Azizan: Tidak.

Gurbachan: Adakah Perdana Menteri menulis apa yang kamu beritahu kepada beliau?

Azizan: Perdana Menteri tidak menulis apa yang saya beritahu kepadanya.

Menjawab soalan Gurbachan, Azizan tidak bersetuju dengan cadangan pembela bahawa beliau diberi taklimat oleh Cawangan Khas ketika berada di Bukit Aman selama 30 minit sebelum bertemu Perdana Menteri.

"Saya hanya diberitahu oleh ACP Mazlan Mohd Din bahawa Perdana Menteri ingin berjumpa saya bagi mengetahui cerita sebenar," katanya.

Menurutnya, pegawai Cawangan Khas itu tidak memberitahu bahawa pertemuan itu berkaitan dengan pengakuan bersumpahnya.

Kepada soalan pembela, Azizan menafikan beliau bersama Ummi Hafilda menemui Perdana Menteri di pejabatnya semalam, selepas tamat perbincangan pada sesi petang.

Sementara itu, apabila perbincangan disambung semula jam 2.15 petang, Azizan memberitahu mahkamah, beliau takut jika pertemuannya dengan Perdana Menteri pada 24 Ogos 1998 diketahui Anwar.

Sebelum itu, Gurbachan bertanya sama ada beliau tidak lagi takut selepas berjumpa Perdana Menteri.

Gurbachan kemudian menyatakan kepada Azizan yang dia sendiri tidak pernah membuat laporan polis berhubung ketakutannya kepada Anwar.

Azizan: Betul, sebab pada masa itu Anwar masih berkuasa.

Gurbachan: Kamu tahu, Anwar dipecat pada 2 September 1998.

Azizan: Ya saya tahu.

Gurbachan: Apakah yang menyebabkan kamu membuat laporan polis pada 16 September 1998?

Azizan: Saya mendapat keyakinan selepas bertemu Perdana Menteri dan tertuduh tidak berkuasa lagi.

Gurbachan: Sekiranya alasan-alasan kamu betul kenapa tidak membuat laporan polis?

Azizan: Saya hanya membuat laporan polis selepas saya berfikir bahawa tertuduh tidak lagi berkuasa dan kerana saya telah dipaksa untuk menandatangani akuan berkanun bertarikh 10 Ogos 1998 (berhubung penafian terhadap kejadian liwat terhadap dirinya) yang tidak benar dan tanpa kerelaan saya.

Gurbachan: Adakah kamu kata semua akuan berkanun itu adalah tidak benar? Ketika ini Timbalan Kanan Pendakwa Raya Mohd Yusof Zainal Abiden membuat bantahan dan Hakim Datuk S Augustine Paul meminta Gurbachan menyusun semula soalnya.

Gurbachan: Adakah keterangan kamu sekarang bahawa kandungan akuan berkanun itu tidak benar?

Azizan: Yang saya ingat, alamat rumah, nama saya adalah benar. Saya tidak mengenali penulis buku juga adalah benar. Saya tidak terlibat dalam penerbitan dan pengedaran buku '50 dalil' (Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri).

Azizan kemudian memberitahu mahkamah yang perenggan kelima dalam akuan bersumpah itu adalah tidak benar.

Menurutnya, beliau ada meminta peguam Sukhdev Singh untuk membuat pindaan pada perenggan kelima itu tetapi Sukhdev berkata, `biarlah ayat itu begitu saja'.

Azizan berkata, ketika itu beliau berasa takut dan fikirannya terganggu.

Beliau menafikan menandatangani akuan berkanun untuk menarik balik dakwaan terhadap Anwar itu dengan kerelaan hatinya tetapi mendakwa beliau dipaksa untuk berbuat demikian selepas dihubungi Rahim King (Abdul Rahim Dahalan) dan Ma'Amin Talip.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)